

# PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK, PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Oleh: Dr. Rosmalina Abd Rashid



Majlis pelancaran Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta pokok peringkat UMS telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Naib Canselor, Profesor Datuk ChM Ts Dr. Taufiq Yap Yun Hin pada 28 September 2021.

Majlis perasmian yang dilaksanakan secara virtual ini dihadiri oleh Tuan Fadzil Bin Yahya, Timbalan Ketua Konservator, Jabatan Perhutanan Negeri Sabah, Profesor Dr Ahmad Bin Ismail, Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Wakil Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah, wakil Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, wakil rakan strategik UMS dan warga UMS. Kempen ini adalah anjuran bersama Fakulti Perhutanan Tropika dan Pusat Pengurusan EcoCampus. Kempen ini dilaksanakan dengan kerjasama erat bersama Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. Tujuan kempen ini adalah untuk memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.

Sejajar dengan komitmen Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, sasaran kempen penanaman 100 juta pokok adalah untuk tempoh 5 tahun iaitu bermula 2021 hingga 2025.

Tema kempen tersebut adalah “Pokok Kita Kehidupan Kita” atau “*Our Trees Our Life*”. Kempen ini dilaksanakan bagi memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan negara dilitupi dengan kawasan berhutan dan pokok-pokok dapat dicapai.

Untuk menjayakan dan menyokong kempen penanaman 100 juta pokok, UMS mensasarkan 200,000 pokok sehingga tahun 2025. Setiap pelajar dan kakitangan UMS (Kampus Induk, Kota Kinabalu, UMS Kampus Sandakan dan UMS Kampus Labuan) menanam 1 pokok pada tahun ini dan menanam 2 pokok setiap seorang pada tahun berikutnya hingga tahun 2025. Penanaman pokok ini bukan hanya terhad kepada kawasan UMS tetapi juga di kawasan yang lain. UMS juga mengalu-alukan kerjasama untuk kolaborasi rakan strategik UMS bagi menjayakan kempen. Kempen penanaman pokok di UMS pada tahun ini diadakan pada Oktober sehingga Disember 2021. Bagi memeriahkan lagi kempen ini beberapa aktiviti telah dirancang seperti pertandingan penanaman pokok terbanyak di antara Fakulti, Institut, Jabatan, Pusat dan Kolej Kediaman, pertandingan poster, seminar penanaman dan penjagaan pokok dan pembelian 1 T-shirt 1 anak pokok yang dijalankan bawah aktiviti keusahawanan pelajar UMS.



Penanaman pokok Belian (*Eusideroxylon Zwageri*) oleh NC